

PANDUAN PERMOHONAN PEMASANGAN "BILLBOARD" DAN "UNIPOLE"

(GUIDELINE FOR APPLICATION FOR INSTALLING BILLBOARD AND UNIPOLE)

SYARAT PERMOHONAN

(CONDITIONS FOR APPLICATION)

1. Mengisi dengan lengkap dua (2) salinan borang permohonan pemasangan iklan iaitu borang Jadual Kedua.
2. Surat kebenaran atau komen daripada pemilik atau Jabatan Kerja Raya atau mana-mana pihak yang bertanggungjawab ke atas penggunaan kawasan tapak, tanah atau bangunan di mana struktur *billboard/unipole* tersebut hendaklah didirikan mestilah diperolehi terlebih dahulu.
3. Pelan lokasi berdasarkan pelan ukur metrik berskala 1:2500 yang menunjukkan cadangan tapak pembinaan struktur *billboard/unipole* tersebut mestilah disertakan.
4. Pelan tapak yang dilukis dengan menggunakan skala yang sesuai juga mestilah disertakan. Dalam pelan tersebut ukuran jarak setiap sudut *billboard/unipole* tersebut dengan struktur-struktur lain yang berdekatan seperti parit, tepi jalan raya, kabel telefon, pencawang elektrik dan sebagainya mestilah dinyatakan.
5. Gambar kawasan tapak cadangan tersebut dengan melekatkan keratan kertas putih bagi menunjukkan secara kasar kedudukan struktur *billboard/unipole* berkenaan mestilah disertakan.
6. Contoh visual iklan atau jenama barangan yang hendak dipaparkan pada struktur *billboard/unipole* tersebut juga mesti disertakan.
7. Penggunaan Bahasa Melayu (Bahasa Malaysia) pada visual iklan mestilah diutamakan dan mestilah terlebih dahulu mendapat pengesahan daripada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Walau bagaimanapun, penterjemahan ke bahasa lain adalah dibenarkan tetapi saiz perkataan yang digunakan mestilah lebih kecil daripada saiz perkataan Bahasa Malaysia.
8. Perkataan pada visual iklan tersebut mestilah pendek dan ringkas. Ketinggian huruf tidak boleh kurang dari tiga ratus milimeter (300 mm).
9. Struktur iklan *billboard/unipole* yang dicadangkan tersebut mestilah tidak menghalang pandangan pengguna jalanraya, tidak membahayakan orang awam dan struktur yang berdekatan seperti rumah serta tidak menghalang penggunaan kemudahan awam.
10. Tapak cadangan pembinaan struktur *billboard/unipole* yang selari atau berdekatan dengan jalanraya yang lurus hendaklah mempunyai jarak minima tidak kurang dari empat meter (4m) dari tepi jalanraya dan yang berdekatan dengan selekoh jalan, jaraknya tidak kurang dari enam meter (6m).
11. Bagi iklan *billboard/unipole* yang berlampu (*illuminated*) pemohon mestilah terlebih dahulu mendapatkan permit daripada pihak Lembaga Letrik Sabah; dan
12. Pemohon digalakkan menyertakan pelan lanskap yang dicadangkan disekitar tapak yang dipohon.

MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN SELEPAS PERMOHONAN DILULUSKAN SECARA PERINSIPNYA

(INFORMATION REQUIRED AFTER PRINCIPLE APPROVAL OF APPLICATION)

1. Pemohon mestilah menyediakan dan seterusnya mengemukakan kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu maklumat-maklumat berikut:-
 - 1.1 Empat (4) salinan pelan struktur.
 - 1.2 Empat (4) salinan laporan berhubung dengan struktur iklan berkenaan termasuklah pengiraan keteguhan struktur. (Pastikan keteguhan struktur dapat menahan angin selaju 63 knots).
 - 1.3 Empat (4) salinan Form B2 (*Certificate For Structural Plan*).
 - 1.4 Empat (4) salinan Borang Jadual Keempat; dan
 - 1.5 Mengemukakan salinan polisi Insuran libiliti awam yang masih efektif. Pihak majlis tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan ke atas orang awam atau kerosakan ke atas hartabenda disebabkan keruntuhan atau kerosakan oleh struktur iklan tersebut.

BAYARAN YANG DIKENAKAN

(PAYMENT CHARGED)

1. Bayaran lesen dikira berdasarkan butir-butir berikut, iaitu:
 - 1.1 Saiz dan jumlah *billboard/unipole*.
 - 1.2 Jenis berlampu atau tidak berlampu.
 - 1.3 Tempoh pemasangan yang diluluskan berasaskan tahunan. Walau bagaimanapun pemohon boleh memperbaharui permit tersebut sekiranya ia masih berminat; dan
 - 1.4 Struktur *billboard/unipole* yang didirikan sebelum mendapat kelulusan Majlis terlebih dahulu, akan dikenakan bayaran lesen permit sebanyak dua (2) kali ganda jumlahnya bila lesen permit dikeluarkan.
2. Bayaran cagaran (*deposit*) yang dikenakan adalah separuh daripada jumlah bayaran lesen permit iklan *billboard/unipole* berkenaan ataupun jumlah maksimumnya sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus (RM300.00) bergantung kepada jumlah yang terendah diantara kedua-duanya tetapi jumlah minimumnya tidak kurang daripada Ringgit Malaysia dua puluh lima (RM25.00).

PENGELUARAN LESEN PERMIT SEMENTARA DAN SYARAT-SYARAT

(ISSUANCE OF TEMPORARY LICENCE AND CONDITIONS)

1. Lesen permit sementara hanya akan dikeluarkan setelah pemohon menjelaskan bayaran lesen permit dan bayaran cagaran pemasangan struktur '*billboard/unipole*' berkenaan kepada Dewan Bandaraya. Lesen permit sementara ini hanya sah selama tiga (3) bulan sahaja.
2. Pemohon mestilah mematuhi segala syarat-syarat yang dinyatakan dalam lesen permit sementara ini. Antara syarat-syarat tersebut ialah:-

- 2.1 Memaparkan atau menulis cogan kata yang sesuai dibahagian bawah struktur *billboard/unipole* berkenaan. Contohnya "JAGALAH KEBERSIHAN BANDAR KITA", "KEBERSIHAN ADALAH TANGGUNGJAWAB BERSAMA", "JAUHI DIRI DARI DADAH" dan sebagainya.
- 2.2 Memasang lampu yang sesuai pada struktur *billboard/unipole* tersebut.
- 2.3 Membuat lanskap yang sesuai disekitar tapak pemasangan struktur *billboard/unipole* berkenaan, selaras dengan cadangan landskap yang diluluskan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.
- 2.4 Segala perbelanjaan ke atas penjagaan, pembaikan dan penyelenggaraan kawasan tersebut terutama terhadap landskap adalah tanggungjawab pemohon.
3. Struktur *billboard/unipole* tersebut mestilah dipasang dengan sempurna. Sebarang kerosakan ke atas kemudahan awam atau mendatangkan kekotoran di kawasan tersebut akibat pembinaan struktur *billboard/unipole* berkenaan, ia adalah tanggungjawab si pemilik.
4. Semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan pemilik mestilah memastikan serta mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menjaga keselamatan para pengguna jalanraya dan orang awam. Kerumitan yang mungkin timbul haruslah pada kadar yang minima.
5. Nombor kelulusan lesen permit iklan yang diberikan mestilah ditulis atau dipaparkan pada bahagian bawah struktur 'billboard'/unipole' tersebut.
6. Struktur *billboard/unipole* tersebut mestilah siap dipasang atau dibina dalam masa tiga (3) bulan selepas lesen permit sementara dikeluarkan. Sekiranya gagal berbuat demikian maka permohonan baru bagi tapak tersebut boleh dipertimbangkan untuk kelulusan.
7. Pemohon mestilah mengisi Borang C iaitu Sijil Penyelesaian Pembinaan Kerja-Kerja Asas atau Dasar dan Laporan Penyiapan Bagi Struktur Iklan (Form C - Certificate For Setting Out Foundation Works and Completion Report For Advertisement Structure). Borang tersebut mestilah ditandatangani dan disahkan oleh Jurutera atau Arkitek yang berdaftar.
8. Bagi struktur *unipole*, pemohon mestilah mengemukakan *Performance Guarantee* atau *Banker's Guarantee* berjumlah Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000.00) untuk tempoh satu (1) tahun dan masih efektif.
9. Pihak Dewan Bandaraya berhak menarik balik atau membatalkan lesen permit iklan yang dikeluarkan pada bila-bila masa. Notis penarikan balik atau pembatalan lesen permit tersebut akan diberikan kepada pemilik sebulan sebelum tarikh penarikan balik atau pembatalan dikuatkuasakan.
10. Kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut di atas akan mengakibatkan kelulusan lesen permit pemasangan struktur *billboard/unipole* berkenaan dibatalkan.

PENGELUARAN LESEN PERMIT PENUH/RASMI DAN SYARAT-SYARAT

(ISSUANCE OF OFFICIAL LICENCE AND CONDITIONS)

1. Pemohon mestilah mengemukakan permohonan kepada Dewan Bandaraya bagi pengeluaran surat kelulusan lesen permit penuh/rasmi berhubung dengan struktur 'billboard'/unipole' berkenaan.
2. Pemohon mestilah mengemukakan Borang C yang telah mendapat pengesahan daripada jurutera berdaftar bahawa struktur 'billboard'/unipole' tersebut telah diperiksa, dipasang dan dibina selaras dengan pelan struktur yang telah dikemukakan kepada Dewan Bandaraya terdahulu.

3. Setelah menerima permohonan pengeluaran lesen permit penuh/rasmi tersebut, pihak Dewan Bandaraya akan membuat laporan bagi memastikan segala syarat telah dipatuhi oleh si pemohon.
4. Setelah semua syarat dipatuhi maka surat kelulusan lesen permit penuh/rasmi akan dikeluarkan/diberikan kepada si pemohon.
5. Syarat-syarat dalam surat kelulusan lesen permit penuh/rasmi ini adalah seperti berikut:
 - 5.1 Cogankata yang ada pada struktur *billboard/unipole* berkenaan hendaklah dijaga dan dikekalkan.
 - 5.2 Lampu yang ada pada struktur *billboard/unipole* berkenaan hendaklah dijaga dan dikekalkan.
 - 5.3 Landskap disekitar kawasan tapak berkenaan hendaklah dijaga dan dikekalkan.
 - 5.4 Segala perbelanjaan ke atas penjagaan dan penyelenggaraan kawasan lanskap dan struktur *billboard/unipole* berkenaan adalah tanggungjawab pemilik.
 - 5.5 Struktur *billboard/unipole* berkenaan hendaklah sentiasa dalam keadaan yang sempurna, teguh, tidak membahayakan dan tidak mengotorkan atau merosakkan kecantikan di kawasan berkenaan.
 - 5.6 Struktur 'billboard'/'unipole' berkenaan mestilah dibuka dalam masa satu minggu selepas tarikh tamat tempoh pemasangan. Sekiranya tidak dibuka maka pihak Dewan Bandaraya tidak akan mengembalikan wang cagaran kepada si pemohon. Wang cagaran tersebut akan digunakan untuk membiayai kos perbelanjaan membuka struktur berkenaan dan jika kosnya melebihi wang cagaran maka kos tambahan tersebut mestilah dibiayai oleh pemilik stricter 'billboard'/'unipole' tersebut.
 - 5.7 Sekiranya pemilik ingin memperbaharui lesen permit berkenaan ia mestilah mengisi borang permohonan dan menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan serta mengemukakan kepada Dewan Bandaraya sebulan sebelum tarikh tamat tempoh yang diberikan terdahulu.
 - 5.8 Jika kawasan berkenaan akan diguna oleh mana-mana Jabatan Kerajaan, pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Berkanun atau Organisasi yang menyediakan kemudahan-kemudahan awam maka pemilik boleh diarah untuk membuka atau mengalih stricter 'billboard'/'unipole' berkenaan. Kos untuk membuka atau mengalih stricter berkenaan adalah ditanggung sendiri oleh pemilik. Sebarang pengalihan atau pemindahan tapak adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya.
 - 5.9 Pihak Dewan Bandaraya berhak menarik balik atau membatalkan kelulusan lesen permit pemasangan iklan yang telah dikeluarkan terdahulu pada bila-bila masa dengan memberi notis penarikan balik atau pembatalan kepada sipemilik sebulan tarikh penarikan balik atau pembatalan dikuatkuasakan; dan
 - 5.10 Kegagalan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Dewan Bandaraya akan mengakibatkan kelulusan lesen permit pemasangan *billboard/unipole* berkenaan dibatalkan dengan serta merta.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

**Unit Pengiklanan
Bahagian Penilaian,
Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
SABAH**

Tel. No: 088-239500 Sambungan 662